

# Muhammad Syafiq raih Anugerah Menteri Pendidikan

→ Sekali gus bergelar Tokoh Siswa Kebangsaan pada Anugerah Tokoh Siswa 2018

Oleh Mohd Helmi Irwadi  
Mohd Nor  
bhvarsiti@bh.com.my

◀ Nilai

**P**enuntut Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Muhammad Syafiq Rahmat, 24, ditabalkan sebagai penerima Anugerah Menteri Pendidikan sekali gus bergelar Tokoh Siswa Kebangsaan pada Anugerah Tokoh Siswa (ATS) 2018 yang berlangsung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, baru-baru ini.

Terdahulu, anak jati Kemparas, Johor Bahru itu turut memenangi Anugerah Pemimpin Program Sukan yang membolehkannya memenangi anugerah utama disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik.

Penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian & Keselamatan Komputer) itu muncul pemenang sebaik menampilkan kepimpinan sebagai Presiden Mahasiswa Johor dengan menganjurkan Global Outreach Programme Gop@Europe iaitu di London, Paris, Amsterdam dan Milan.

Muhammad Syafiq menerima hadiah wang tunai

RM3,000, trofi dan sijil turut menganjurkan program sama di Shanghai dan Beijing, China, selain pernah memenangi Anugerah Pemimpin Program Sukan Terbaik 2018 anjuran UTM, Anugerah Sukarelawan Pembangunan Belia dan Anugerah Naib Canselor Tokoh Pembangunan Mahasiswa UTM.

Muhammad Syafiq berkata, program anjuran Kementerian Pendidikan (KPM) itu adalah medium terbaik menghargai sumbangan mahasiswa sepanjang pengajian mereka di universiti.

“Bagi saya, anugerah ini amanah yang memberi inspirasi kepada mahasiswa untuk berkhidmat lebih cemerlang kepada masyarakat kerana mereka ialah aset penting negara yang bakal merenakan kepimpinan suatu hari nanti.

“Sekalung penghargaan buat ibu bapa saya, Menteri Pendidikan, pihak universiti dan sahabat yang memberikan sokongan kuat atas kejayaan ini,” katanya.

## Insan holistik

Sementara itu, Maszlee ketika berucap pada majlis itu, berkata pemilihan pemenang mengambil kira pelbagai

aspek pembabitan mahasiswa terutama dalam program, pencapaian akademik dan sahsiah diri sepanjang pengajian mereka.

“Selaras aspirasi KPM untuk melahirkan insan yang holistik, penganugerahan ini mampu menjadi wadah kepada mahasiswa untuk menonjolkan sifat kepimpinan serta bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti,” katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching, Timbalan Ketua Setiausaha KPM, Datuk Kamel Mohamad Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir dan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Profesor Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz.

Majlis anugerah anjuran

**Muhammad Syafiq ditabalkan penerima Anugerah Menteri Pendidikan sempena Anugerah Tokoh Siswa 2018 di USIM, baru-baru ini.**



[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/ BH]



**Maszlee (tengah) menyampaikan Anugerah-Menteri Pendidikan kepada Muhammad Syafiq sempena Anugerah Tokoh Siswa 2018 di USIM, baru-baru ini.**

KPM itu memasuki tahun keenam penganjurannya dan kali ini USIM dipilih bagi untuk menganjurkannya.

ATS 2018 mengiktiraf pencapaian mahasiswa dan ketekunan mereka dengan pembabitan aktif program berimpak tinggi pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sebanyak 15 anugerah dipertandingkan mencakupi aspek kepimpinan, kesukarelawanan, keusahawanan, kebudayaan, sukan dan lain-lain dengan keseluruhan 245 pencalonan diterima.

## Biasiswa tokoh siswa

Pada program ATS 2018 itu, Anugerah Pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar menjadi milik penuntut Universiti Intelek (Abdul Kadir Shah Sahibudeen, UM); Anugerah Pemimpin Pelajar Anta-

Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman (Mohd Aswan Mohd Amin, UniSZA); Anugerah Pemimpin Fakulti/Persatuan/Kelab (Amir Firdaus Eddy Rosyadie, Universiti Malaya); Anugerah Pemimpin Badan Beruniform (Nur Najah Abd Manas, USM), Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan (Muhammad Ziyad Mohd Yazid, UniSZA) dan Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan (Jerry Yacob).

Anugerah Pemimpin Program Sains, Teknologi dan Inovasi (Muhammad Nurfiqri Mohd Hajar (UniMAP); Anugerah Pemimpin Program Pengucapan Awam (Nur Adibah Ahmad Zamri, UPSI); Anugerah Pemimpin Wacana Antarabangsa (Abdul Kadir Shah Sahibudeen, UM); Anugerah Pemimpin Pelajar Anta-

rabangsa (Aditya Hutama Iswardi (UPM); Anugerah Pemimpin Kesejahteraan Komuniti (Mohd Haffis Teh, UKM), Anugerah Pemimpin Alam Sekitar (Tan Chun Tat, UKM), Anugerah Pemimpin Sukarelawan Terbuka (Muhammad Irsyad Zaini (UM) dan Anugerah Pasukan Sukarelawan Terbaik (Umision Club, UIAM).

Semua pemenang menerima RM1,000, trofi, biasiswa tokoh siswa dan sijil.

Sebagai tuan rumah, USIM tidak pulang dengan tangan kosong apabila membawa pulang dua Anugerah Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi membabitkan pasukan Debat Bahasa Arab dan individu, Muhammad Syafiq Suhaimi selaku johan Pidato Dwibahasa Ihtifal ASEAN.